

NO. DOKUMEN : JKNJ – PK- Q8
PROSEDUR : PENGURUSAN RISIKO

No. Salinan Kawalan :	Dikeluarkan kepada:
------------------------------	----------------------------

1.0 TUJUAN

Prosedur ini menggariskan langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan proses penilaian risiko untuk mengenalpasti, menganalisis, menilai dan mengawal risiko dan peluang-peluang yang memberi kesan atau menyumbang kepada isu-isu dalaman dan luaran, halangan kepada memenuhi keperluan pihak berkepentingan dan kegagalan mencapai objektif organisasi.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan dalam menguruskan risiko dan peluang-peluang ke atas penghasilan produk atau perkhidmatan bermula dengan mengenalpasti risiko dan peluang, analisis dan penilaian keberkesanan tindakan kawalan risiko.

3.0 DEFINISI RISIKO

Kesan ketidakpastian untuk mencapai keputusan yang dikehendaki.

4.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Ketua Bahagian/PTJ atau Ketua Unit	4.1 Menenalpasti risiko Setiap Bahagian perlu mengenalpasti dan menyenaraikan risiko yang mungkin berlaku berdasarkan proses kerja yang terdapat dalam SPK Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Risiko dan peluang dikenalpasti berdasarkan kepada perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none">i. Isu-isu dalaman dan luaran;ii. Keperluan dan harapan pihak berkepentingan; daniii. Halangan yang memberi kesan kepada kegagalan untuk mencapai objektif.

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Ketua Bahagian/PTJ atau Ketua Unit	<p>4.2 Pengenalpastian risiko kepada proses kerja adalah berdasarkan kepada kriteria risiko berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> iv. Maklumat; v. Reputasi; vi. Kewangan; vii. Operasi viii. Peraturan/Undang-undang ix. Keselamatan <p>4.3 Menilai risiko</p> <p>Setiap Bahagian akan menilai risiko berdasarkan parameter berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Indeks Frekuensi B. Indeks Impak Risiko C. Matriks Frekuensi dan Impak D. Had penerimaan Risiko <p>4.4 Tindakan Kawalan dan Rawatan risiko</p> <p>Selepas penilaian risiko dibuat dan status risiko yang signifikan telah dikenalpasti, tindakan mitigasi perlu diwujudkan ke atas risiko yang signifikan.</p> <p>4.6 Pemantauan</p> <p>Melakukan pemantauan terhadap tindakan mitigasi yang telah dicadangkan dan melaporkan hasil pemantauan yang dibuat melalui kaedah-kaedah antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mesyuarat Pengurusan b) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) <p>Tindakan yang telah diambil hendaklah disemak secara berkala keberkesanannya, perubahan terhadap tindakan yang diambil boleh diambilkira sekiranya tindakan mitigasi tidak berkesan dalam mengatasi risiko.</p>

NO. DOKUMEN : JKNJ – PK- Q8
PROSEDUR : PENGURUSAN RISIKO


5.0 REKOD KUALITI

BIL	KOD DOKUMEN	REKOD	TEMPOH PENYIMPANAN	LOKASI
1.	JKNJ-BK-Q8-1	Daftar Risiko dan Peluang	3 tahun	Pejabat

6.0 KLAUSA-KLAUSA MS ISO 9001: 2015 BERKAITAN:

6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang.

7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	Dr Noraziyah Binti Abdul Aziz Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kesihatan Pergigian	
Diluluskan oleh :	Dr Norizan Binti Othman Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	